



JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
Galeria PjH, Aras 5, Jalan P4W  
Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel : 03-88919000  
Faks : 03-88919300  
Laman Web : <http://politeknik.gov.my>  
Facebook : politeknik.edu

Ruj. Kami : KPT.JPP(O).603-1/14/1 Jld. 5 (67)  
Tarikh : 20 Februari 2017

## PENGARAH

Politeknik Malaysia

YH Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

### PROSEDUR KELULUSAN PROGRAM PELAJAR KE LUAR NEGARA

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, Bahagian Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik telah mengeluarkan Prosedur Kelulusan Program Pelajar Ke Luar Negara sebagai panduan kepada program-program yang dianjurkan oleh Politeknik Malaysia.
4. Sehubungan dengan itu, demi menjaga kebajikan dan keselamatan pelajar semasa lawatan ke luar negara dilampirkan **Prosedur Kelulusan Program Pelajar Ke Luar Negara (LAMPIRAN 1)** untuk makluman dan tindakan YH. Dato'/YBrs. Dr/tuan/puan.
5. Pegawai kami, En. Azad Muslim Bin Muhammad akan membantu YH. Dato'/YBrs. Dr/tuan/puan di talian 03-88919341/017-7101571 berhubung perkara ini. Segala kerjasama daripada pihak YH. Dato'/YBrs. Dr/tuan/puan amat dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(SHABUDIN BIN MAN)**

Timbalan Ketua Pengarah (Strategik)  
Jabatan Pendidikan Politeknik  
Kementerian Pendidikan Tinggi

s.k. 1. Pengarah  
Bahagian Pembangunan Pelajar

## PROSEDUR KELULUSAN PROGRAM PELAJAR KE LUAR NEGARA

### 1.0 Tujuan

Prosedur ini disediakan untuk menerangkan proses mendapat kelulusan menganjurkan aktiviti ke luar negara.


### 2.0 Tanggungjawab

Bahagian Pembangunan Pelajar (BPPel), Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) bertanggungjawab memantau dan memberi khidmat nasihat sebarang kegiatan/aktiviti/program yang melibatkan pelajar di Politeknik Malaysia.

### 3.0 Peraturan am

- 3.1 Pelajar yang boleh mengadakan program ke luar negara ini hendaklah terdiri daripada pelajar/persatuan/pertubuhan pelajar yang berdaftar dengan politeknik tersebut.
- 3.2 Aktiviti mesti disertai oleh Pegawai Pengiring yang terdiri daripada staf politeknik tersebut.
- 3.3 Pelajar mengisi borang jaminan diri yang melepaskan Politeknik daripada sebarang tanggungan sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini akibat kecuaiian pelajar atau tingkahlaku pelajar sendiri.
- 3.4 Semua negara boleh dilawati kecuali Israel.
- 3.5 Di antara jenis aktiviti luar negara adalah seperti :
  - 3.5.1 Penyertaan persidangan/seminar/kursus/pertandingan
  - 3.5.2 Lawatan sambil belajar
  - 3.5.3 Khidmat masyarakat dan sukarelawan
  - 3.5.4 Program usahawan
  - 3.5.5 Program-program Pembangunan Pelajar
- 3.6 Kelulusan pemohon bergantung kepada keupayaan mendapatkan pembiayaan kewangan; peruntukan institusi atau persendirian.
- 3.7 Program ke luar negara hanya boleh dibuat setelah mendapat kelulusan daripada pihak yang berkaitan terlebih dahulu seperti :
  - 3.7.1 Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik, TKP (O), Pengarah Bahagian;
  - 3.7.2 Lain-lain jabatan/Kementerian sekiranya aktiviti yang akan dijalankan memerlukan kelulusan Jabatan/Kementerian berkenaan (jika berkaitan).
- 3.8 Membeli insuran perjalanan yang khas untuk ke tempat lawatan.
- 3.9 Maklumat berkaitan lawatan perlu dihantar kepada Kedutaan Malaysia di negara terlibat.

#### 4.0 Carta alir permohonan

| TINDAKAN                     | ALIRAN KERJA   | PROSES KERJA  |
|------------------------------|--|---|
|                              |  | Mula  |
| Pelajar/penganjur            |  | Hantar permohonan   |
| Pengurusan Politeknik        |  | Terima, semak dan kelulusan Pengarah Politeknik                             |
| Pelajar/penganjur/politeknik |  | Kemukakan permohonan kelulusan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik |
| JPP                          |  | Terima, semak dan kelulusan permohonan                                      |
| JPP                          |  | Surat kelulusan diserahkan kepada pemohon                                   |
| Pelajar/penganjur/politeknik |  | Kemukakan maklumat lawatan kepada Kedutaan Malaysia di negara tersebut      |
|                              |  | Tamat   |

\*\* Pegawai Pengiring yang dilantik secara rasmi atau tidak oleh pihak Politeknik untuk mengiringi pelajar perlu memohon sendiri kelulusan perjalanan rasmi (mengikut pekeliling yang sedang berkuatkuasa) kepada pihak berkenaan.